

TREND NPC DI TIKTOK

Wang masuk & harga diri

**Surawati Suparjoh****Bersama
Dr Che Samihah Che Dalim**

erancakan penggunaan media sosial sebagai pelantar teknologi digital untuk perkongsian pelbagai maklumat dan kandungan telah mewujudkan trend ikutan yang pelbagai.

Trend dalam konteks media sosial merujuk kepada aliran atau perkembangan rentetan sesuatu senario yang menjadi ikutan pengguna. Trend dalam TikTok paling cepat tersebar dan menjadi ikutan melalui rakaman atau cara video pendek. Antara trend terkini dalam TikTok adalah aktiviti 'main-peنانان' yang dikenali sebagai *non-player character* (NPC).

Walaupun trend ini menawarkan peluang untuk menjana pendapatan yang signifikan melalui kreativiti kandungan, ia menimbulkan polemik

Natuecoco dikatakan yang terawal mempopularkan karakter NPC dalam TikTok sehingga menjadi trend yang digilai generasi kini.

Pengguna TikTok yang menonton siaran penstriman langsung aktiviti NPC manusia oleh mana-mana pencipta kandungan mungkin akan tertawa pada mulanya bila melihat aksi mereka. Apa tidaknya, melalui penampilan pakaiannya dan suara yang melambangkan karakter NPC yang dibawa, pencipta kandungan akan bertukar-ukir gife atau hadiah TikTok, pencipta kandungan akan menyebarkan dengan hadiah tersebut. Sebagai contohnya, jika hadiah berbentuk hati atau *love* diberikan, pencipta kandungan akan menunjukkan isyarat jari berbentuk hati.

Namun, paling mengejutkan, aksi-aksi yang dilakukan oleh mereka secara penstriman langsung dapat menjana pendapatan yang lumayan sehingga mencapai ribuan ringgit dalam tempoh sehari. Ini

boleh diperolehi melalui seberapa banyak hadiah yang diberi oleh penonton kepada mereka, berdasarkan ketertarikan penonton terhadap maklum balas karakter NPC yang dibawa. Setiap hadiah yang diperolehi dalam bentuk animasi atau ikon boleh ditukarkan kepada wang ringgit kerana ia mempunyai nilai tersendiri.

Antara bentuk hadiah yang disediakan oleh platform TikTok adalah *Animated Gift* yang bernilai satu syiling emas sehingga TikTok Universe yang bernilai 44999 syiling emas. Faktor sebagai pemengaruh dengan bilangan pengikut yang ramai dapat menjadikan hadiah yang lebih tinggi nilainya diberikan oleh penonton atau pengemarnya.

Pelbagai polemik dan pandangan yang wujud kesan daripada trend NPC di TikTok. Penilaian pendapatan yang tinggi melalui kandungan NPC dapat memberikan peluang kepada pelbagai lapisan masyarakat untuk memperoleh pendapatan sampingan. Sesiapa sahaja boleh menggunakan masa terluang untuk mencipta dan mempromosikan kandungan NPC melalui penstriman langsung. Penonton masa kini bersifat terbuka menyokong kandungan NPC sekiranya pencipta kandungan NPC bijak memanfaatkan kandungan yang menarik minat mereka. Bagaimanapun, ada juga yang berpandangan bahawa pencipta kandungan NPC adalah

setaraf dengan pengemis kerana sanggup melakukan aksi-aksi berulang demi habuan hadiah TikTok. Terdapat pihak yang memberikan pandangan bahawa trend NPC sebagai satu aktiviti yang patut dikawal kerana penonton boleh terikut-ikuit dengan perlakuan yang tidak sesuai dengan norma agama dan masyarakat timur. Kekhuatiran terhadap kesan trend NPC terhadap generasi muda adalah wajar memandangkan kebanyakan kandungan permainan komputer bukan berdasarkan ciri budaya setempat atau menyebarkan prinsip ilmiah.

Kesimpulannya, trend NPC di TikTok menggambarkan evolusi media sosial sebagai platform mencipta fenomena unik, menggabungkan elemen budaya digital dan permainan video ke dalam bentuk hiburan kontemporari. Walaupun trend ini menawarkan peluang untuk menjana pendapatan yang signifikan melalui kreativiti kandungan, ia menimbulkan polemik. Sebahagian pihak memandang trend ini sebagai inovasi positif yang membolehkan masyarakat memperoleh pendapatan sampingan, sementara yang lain menganggapnya tingkah laku kurang bermartabat.

Penulis Pensyarah Jabatan Multimedia, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Peranan NPC dalam permainan adalah penting juga sebagai pendokong kepada keseluruhan jalan cerita dan naratif permainan mahupun sebagai karakter sampingan yang akan menemani karakter utama. Secara kasarnya, karakter NPC mempunyai ciri pergerakan animasi yang tersangkut-sangkut dan berulang-ulang, ibarat robot. Ini berlaku kerana pergerakan, perlakuan dan dialog NPC dalam permainan video dan komputer telah diprogramkan.

Kewujudan trend NPC dalam TikTok dikatakan bermula sejak tahun 2016 apabila tersebar video pendek yang memparodikan karakter NPC dalam persekitaran dunia sebenar. Video yang memaparkan perlakuan, pergerakan dan percakapan berulang-ulang watak NPC daripada permainan ini dikenali sebagai NPC manusia (human NPC). Pengengaruh sosial media dari Jepun iaitu